

Perkara: 3(6)
MPPIT: 28.11.2014

Pelantikan Pemeriksa bagi Peperiksaan Tesis/Disertasi dan Kelulusan Tajuk Tesis/Disertasi Calon Ijazah Tinggi selepas Sesi *Candidature Defence*

1. Tujuan

Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mengenai cadangan pelantikan Pemeriksa bagi peperiksaan tesis/disertasi dan kelulusan tajuk tesis/disertasi calon Ijazah Tinggi setelah calon lulus sesi *Candidature Defence*.

2. Latarbelakang

- (1) Mengikut Peraturan 19(2) dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Doktor Falsafah) 2007 dan Peraturan 23(2)(a) dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2014, calon hendaklah memberi sekurang-kurangnya tiga bulan notis bertulis kepada Fakulti sebelum penyerahan tesis/disertasi untuk pemeriksaan.
- (2) Amalan sekarang adalah pelantikan pemeriksa bagi peperiksaan tesis/disertasi dan kelulusan tajuk tesis dilakukan selepas calon memberikan notis sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum calon menyerahkan tesis/disertasi untuk pemeriksaan.
- (3) Hasil perbincangan daripada Bengkel Pemantapan Akademik Program Ijazah Tinggi bersama Timbalan Dekan/Pengarah Ijazah Tinggi dan Penolong Pendaftar PTj pada 28.10.2014 dan 29.10.2014 mendapati bahawa sering kali berlaku kelewatan dalam mendapatkan kelulusan bagi pelantikan pemeriksa dan tajuk tesis/disertasi di peringkat PTj yang akan menyebabkan proses peperiksaan tesis/disertasi calon tertangguh dan lewat diproses.

3. Ulasan

Audit Pensijilan Semula oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 17.11.2014 hingga 31.11.2014 juga mengambil perhatian mengenai isu calon ijazah tinggi yang menyerahkan tesis bagi tujuan pemeriksaan sebelum mendapat kelulusan tajuk tesis dari PTj.

4. Cadangan

Sebagai rancangan tindakan penambahbaikan terhadap isu yang dibangkitkan semasa audit, IPS mencadangkan seperti berikut bagi tujuan mengelakkan atau mengurangkan berlakunya kelewatan dalam proses pemeriksaan tesis/disertasi:

- (1) Penyelia mengemukakan cadangan nama pemeriksa bagi peperiksaan tesis/disertasi setelah calon lulus sesi *Candidature Defence*.
 - (a) Bagi peperiksaan disertasi, pelantikan pemeriksa kemudian diperakukan oleh Jawatankuasa Ijazah Tinggi (JKIT) Jabatan (jika ada) dan JKIT PTj sebelum diluluskan oleh PTj.
 - (b) Bagi peperiksaan tesis, pelantikan pemeriksa kemudian diperakukan oleh Jawatankuasa Ijazah Tinggi (JKIT) Jabatan (jika ada), JKIT PTj dan PTj sebelum diluluskan oleh Senat.
- (2) Penyelia memperaku tajuk tesis/disertasi calon setelah calon lulus sesi *Candidature Defence*. Tajuk tesis/disertasi kemudian diperakukan oleh Jawatankuasa Ijazah Tinggi (JKIT) Jabatan (jika ada) dan JKIT PTj, dan seterusnya diluluskan oleh PTj.

5. Tindakan

Ahli Mesyuarat diminta untuk mempertimbang dan meluluskan cadangan di perenggan 4 di atas.